

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM LANCAR KAD DEBIT-i VISA BE U

Kad Debit-i baharu mempertingkatkan pengalaman pembayaran dengan aplikasi dan pengaktifan yang lancar

KUALA LUMPUR, Khamis, [7 September 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mengorak satu lagi langkah penting dalam memajukan pendigitalan sektor kewangan dan mengukuhkan kedudukannya di arena perbankan digital dengan memperkenalkan Kad Debit-i Be U by Bank Islam Visa.

Selain menyediakan transaksi yang pantas, selamat dan tanpa sentuhan di lebih 100 juta lokasi pedagang Visa di seluruh dunia¹, Kad Debit-i Be U by Bank Islam Visa direka untuk memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah.

Noor Farilla Abdullah, Ketua Pegawai Digital Kumpulan Bank Islam, berkata kad itu melambangkan kecekapan, pilihan dan kawalan yang memenuhi permintaan pasaran hari ini. Ia juga mencerminkan dedikasi Bank Islam dalam menawarkan penyelesaian patuh Shariah terkini yang sesuai dengan gaya hidup moden.

"Pelanggan hari ini bukan sekadar mencari tawaran perbankan berdasarkan transaksi. Mereka menuntut pengalaman yang menjadikan pengurusan kewangan kendiri yang mudah. Melalui Kad Debit-i Be U by Bank Islam, pemegang kad boleh memantau kewangan mereka melalui penjejak perbelanjaan tersedia dalam aplikasi perbankan digital Be U by Bank Islam. Ia menjadikan pelanggan lebih peka dan memahami tabiat perbelanjaan masing-masing, seterusnya membolehkan mereka merancang serta mencapai matlamat kewangan yang ditetapkan secara strategik."

"Selain itu, pemegang kad juga boleh mengurus dan menetapkan kawalan kad mereka dengan mudah melalui aplikasi tersebut. Ia termasuk membekukan dan membenarkan semula penggunaan kad, menukar PIN serta menentukan tetapan keselamatan dan had mengikut pilihan mereka," tambah beliau.

Kad Debit-i Be U by Bank Islam Visa menawarkan lima reka bentuk menarik sebagai pilihan, sekali gus menyerlahkan keperibadian pelanggan. Permohonan kad itu boleh dibuat dengan mudah melalui aplikasi Be U. Ia kemudiannya akan dihantar ke rumah pelanggan dalam hanya beberapa hari bekerja selepas permohonan diterima.

¹ Setakat Mac 2023

Sejak pelancarannya pada Jun 2022, bank digital yang sepenuhnya berdasarkan teknologi awan, Be U by Bank Islam, telah memainkan peranan penting dalam membolehkan pengguna digital menyempurnakan transaksi perbankan mereka dengan mudah dan lancar tanpa perlu hadir ke cawangan.

Be U adalah platform pusat untuk memantau pembayaran yang dibuat melalui Duitnow QR, pemindahan Duitnow dan Kad Debit-i Be U by Bank Islam Visa. Selain boleh menjak semua pembayaran yang dibuat melalui pelbagai kaedah dalam satu paparan, aplikasi ini juga memanfaatkan infrastruktur digital untuk menyokong fungsi-fungsi seperti Nest iaitu satu ciri penjimatan bermatlamat automatik yang menggalakkan tabiat kewangan positif yang memudahkan pengguna menyimpan dan mencapai matlamat jangka pendek.

“Kad Debit-i Be U by Bank Islam Visa memperluas dan melengkapkan matlamat tumpuan kepada pelanggan menerusi penyediaan produk yang memuaskan hati dan mengatasi jangkaan mereka. Pengalaman pengguna menyeluruh dalam aplikasi Be U telah direalisasikan menerusi dedikasi pasukan yang teguh memastikan kepuasan pelanggan. Dengan berbuat demikian, setiap lelaran dan penerbitan aplikasi ini memanfaatkan secara konsisten pandangan pelanggan dan penyelidikan pengguna.

“Prinsip asas ini membimbing pasukan kami memandangkan Be U bertujuan untuk mengubah cara pengguna berinteraksi dengan aplikasi perbankan mereka, mentakrifkan semula cara rakyat Malaysia melihat teknologi dan seterusnya mengolah cara pengguna menyepadukan pengurusan kewangan dengan gaya hidup,” kata Noor Farilla.

Di sebalik metrik komersial adalah impak perniagaan yang dibawa oleh Be U pada keseluruhan organisasi. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, “Kad debit tanpa cawangan Be U menzahirkan komitmen Kumpulan untuk mengubah pengalaman perbankan Islam dengan memanfaatkan teknologi termaju untuk melampaui keperluan pelanggan. Pada masa yang sama, menyediakan ruang kepada organisasi untuk belajar dan membina keupayaan teknologi kewangan dalaman.

“Aplikasi Be U by Bank Islam berada pada kedudukan terbaik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Islam global kerana Bank ini ingin memudahkan transaksi yang menyumbang kepada pembangunan sektor seperti produk halal, perbankan

Islam dan pelaburan beretika. Kaedah pembayaran yang tersedia dalam aplikasi itu diharapkan dapat mendorong gaya hidup berdasarkan Syariah iaitu berbelanja secara bertanggungjawab," tambahnya.

Ng Kong Boon, Pengurus Negara bagi Visa Malaysia, berkata: "Kami berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan Bank Islam untuk melancarkan Kad Debit-i Be U by Bank Islam Visa yang baharu. Apabila pengguna Malaysia terus menerima teknologi, produk pembayaran inovatif muncul dan dapat mengubah cara kita hidup, bekerja dan berurus niaga. Berdasarkan maklumat terkini tentang cara dan pilihan pembayaran rakyat Malaysia², penggunaan pembayaran kad telah meningkat lebih 15 peratus berbanding tahun sebelumnya. Data kami juga menunjukkan bahawa perbelanjaan pengguna untuk kad debit Visa tumbuh sebanyak dua angka tahun ke tahun. Ini menunjukkan populariti penggunaan kaedah pembayaran ini. Kami amat percaya bahawa pelancaran Kad Debit-i Be U by Bank Islam Visa akan membantu pemegang kad menikmati pengalaman pembayaran yang lancar dan selamat, di samping turut menyokong pengukuhan kaedah pembayaran secara digital di negara ini."

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: media@bankislam.com.my.

² Kajian Sikap Pembayaran Pengguna Visa telah dijalankan pada Oktober 2022 oleh CLEAR bersama 1,000 rakyat Malaysia berumur 18-65 tahun. Ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan serantau yang dijalankan di Asia Tenggara ke atas 6,550 pengguna di tujuh pasaran.